

PENGGUNAAN AL-QURAN DALAM KAEADAH MENGAJAR BAHASA ARAB

Mohd Ismail Mustari
Kamarul Azmi Jasmi
Azhar Muhammad
Rahmah Razali
Shamsiah Mohamed

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A., Razali, R., Mohamed, S. (2012). Penggunaan al-Quran dalam Kaedah Mengajar Bahasa Arab in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 911-918. ISBN 99917-44-89-4.

Abstrak

Bahasa Arab telah diiktiraf sebagai salah satu daripada bahasa ilmu yang mempunyai nilai tatabahasa yang sangat tinggi. Pelbagai disiplin ilmu dipetik daripada kitab-kitab yang berasaskan bahasa arab. Kertas kerja ini membincangkan penggunaan al-Quran dalam kaedah mengajar bahasa Arab. Ia akan mengupas asal usul bahasa arab, hubungan bahasa arab dengan al-Quran, keistimewaan al-quran, keunikan bahasa arab, konsep pembelajaran dan pengajaran al-Quran dalam kaedah mengajar bahasa arab, metode pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, kemahiran dalam mengajar bahasa Arab, kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pelbagai aspek yang berkaitan dengan penggunaan al-Quran di dalam pengajaran bahasa Arab dikenakan di dalam kertas kerja ini.

PENGGUNAAN AL-QURAN DALAM KAEADAH MENGAJAR BA-HASA ARAB

Mohd Ismail Mustari
Kamarul Azmi Jasmi
Azhar Muhammad
Rahmah Razali
Shamsiah Mohamed

Abstrak

Bahasa Arab telah diiktiraf sebagai salah satu daripada bahasa ilmu yang mempunyai nilai tatabahasa yang sangat tinggi. Pelbagai disiplin ilmu dipetik daripada kitab-kitab yang berasaskan bahasa arab. Kertas kerja ini membincangkan penggunaan al-Quran dalam kaedah mengajar bahasa Arab. Ia akan mengupas asal usul bahasa arab, hubungan bahasa arab dengan al-quran, keistimewaan al-quran, keunikan bahasa arab, konsep pembelajaran dan pengajaran al-Quran dalam kaedah mengajar bahasa arab, metode pengajaran dan pembelajaran bahasa arab, kemahiran dalam mengajar bahasa arab, kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa arab. Pelbagai aspek yang berkaitan dengan penggunaan al-Quran di dalam pengajaran bahasa arab diketengahkan di dalam kertas kerja ini.

PENGENALAN

Al-Quran adalah merupakan mukjizat yang agung. al-Quran diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad s.a.w dalam bentuk wahyu. Diturunkan melalui perantaraan malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad S.A.W. Ia mengandungi prinsip perundangan, peradaban, petunjuk serta panduan kepada umat manusia dan segala makhluk di dunia hingga hari Kiamat. Ia merupakan Kalam Allah S.W.T. yang azali, terpelihara, tidak berubah serta sebagai petunjuk kepada sekelian alam (Rosmawati Ali, 1997). Penyampaiannya adalah dalam bahasa Arab, iaitu bahasa syurga. Oleh itu, melalui pembacaan al-Quran, bahasa Arab dapat diperluaskan dalam semua bidang terutamanya dalam bidang pendidikan.

Penggunaan al-Quran menjadi sumber utama dalam kaedah megajar bahasa Arab terutama dalam mempelajari ilmu nahu. Pembelajaran dalam ilmu nahu mendapat perhatian yang utama oleh para ahli bahasa Arab, dalam meletakkan asas ilmu nahu setelah mereka mendengar banyak kesalahan-kesalahan dari segi nahu dalam pembacaan al-Quran.

Oleh itu, sewajarnya para pendidik perlu mananamkan semangat dalam diri para pelajar supaya mereka merasa minat untuk menguasai ilmu bahasa Arab disamping dapat menjadikan pembacaan al-Quran sebatи dalam jiwa mereka.

ASAL USUL BAHASA ARAB

Jika dikaji dan dilihat asal usul atau sejarah bahasa Arab ini, kita dapat mengetahui bahawa sama ada sebelum atau selepas kedatangan Islam, bahasa Arab mempunyai persamaan dengan bahasa serumpun yang dituturkan oleh orang-orang Ibri, Habasyi, Aramiyyah dan selainnya (Rafa'il Nakhlah al-Yau'iyy, 1986:87).

Namun para sarjana bahasa linguistik menunjukkan penempatan awal penduduk orang Samiyyah menggunakan bahasa Arab di dalam pertuturan mereka. Begitu juga, bahasa Arab

adalah salah satu bahasa yang berasal dari bahasa Samit yang mempunyai hubungan yang rapat dengan asal usul kumpulan penutur Samit Kuno.

Ini menunjukkan bahawa, bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa utama di Semenanjung Arab yang menjadi bahasa komunikasi sesama mereka antaranya ialah Mesir, Sudan, Libya, dan selainnya. Namun titik kegemilangan, kemajuan dan perkembangan pesat bahasa Arab bermula sejak penurunan al-Quran dalam bahasa Arab. Ekoran daripada itu, bahasa Arab secara tidak langsung menjadi bahasa utama dalam komunikasi seluruh umat Islam serata dunia. Kehebatan bahasa Arab telah diabadikan di dalam semua Hadis Rasulullah S.A.W. sebagai salah satu bukti yang menunjukkan bahawa bahasa Arab diterima dikalangan masyarakat terutama dikalangan para ilmuan. Dalam perkembangan dan penyebaran dakwah Islam juga, bahasa Arab menjadi bahasa pengantar dalam percakapan dan penulisan mereka.

HUBUNGAN BAHASA ARAB DENGAN AL-QURAN

Bahasa Arab merupakan bahasa syurga yang dipilih oleh Allah S.W.T. dan merupakan bahasa al-Quran. Bagi menghidupkan dan memelihara keutuhan bahasa Arab ini sehingga ke akhir zaman, maka sumber utama Islam telah di tulis dalam bahasa Arab. Ini termaktub di dalam al-Quran:

Maksud: Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.

(Surah az-Zukhruf, 43:3)

Ayat ini menjadi bukti bahawa bahasa Arab mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan bahasa al-Quran. Oleh itu bahasa al-Quran telah menjadi bahasa intelektual dikalangan pencinta ilmu. Jika dikaji, al-Quran ini kaya dengan kosa kata, tatabahasa dan mempunyai gaya bahasa yang dapat mengatasi semua bahasa lain di dunia.

Dunia hari ini, memperlihatkan kepada kita bahawa terdapat kaitan yang jelas di antara menggunakan al-Quran dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan penguasaan ilmu bahasa Arab itu sendiri di kalangan para pelajar. Ini jelas menunjukkan kesukaran para pelajar dan kelemahan mereka menguasai ilmu bahasa Arab kerana mereka telah jauh daripada al-Quran itu sendiri, di mana satu ketika dahulu mereka lebih dekat dan hampir dengan guru mereka melalui kaedah penggunaan al-Quran. Allah S.W.T. berfirman:

Maksud: Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca Dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

(Surah Yusuf, 12:2)

Hal ini menunjukkan bahawa al-Quran dengan bahasa Arab diibaratkan seperti isi dan kuju, umpama aur dengan tebing. Hubungan bahasa Arab dengan al-Quran tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, usaha untuk memantapkan lagi penguasaan bahasa Arab di kalangan para pelajar dengan mengembalikan mereka kepada kaedah yang telah diasaskan dan digunakan oleh para ulama' terdahulu dengan menggunakan al-Quran di dalam pengajaran bahasa Arab.

KEISTIMEWAAN AL-QURAN

Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang unggul sebelum kedatangan Islam lagi, tetapi al-Quran telah memberikan nafas baru dan sumbangan yang besar terhadap perkembangannya. Al-Quran. Ia telah dapat memanjangkan lagi bahasa Arab, dapat menyatukan pelbagai dialek dan menjadikannya sebagai bahasa intelektual dan ketamadunan. Oleh itu, al-

Quran telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang kaya dengan kosa kata, bahasa yang utuh dengan tatabahasa serta gaya bahasa yang tidak dapat diatasi oleh bahasa-bahasa lain. Antara keistimewaan al-Quran ialah (Noraine Abu, 2003):

- (1) Al-Quran merupakan pelengkap kepada semua kitab yang ada sebelumnya dan penutup kepada kitab suci sebelumnya. Firman Allah S. W. T.:

Maksud: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

(Surah al-Hijr, 15:9)

- (2) Al-Quran mempunyai susunan, gaya bahasa yang menarik dan dapat mempengaruhi pembaca dan orang yang mendengarnya serta keasliannya terdapat di Luh Mahfuz.
- (3) Sesuai digunakan dan diikuti pada semua keadaan, tempat dan masa, berlainan dengan kitab sebelumnya hanya untuk umat tertentu pada tempat dan masa tertentu sahaja. Firman Allah S. W. T.:

Maksud: Ia menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab suci (Al-Quran) Dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan ia juga yang menurunkan Kitab-kitab Taurat dan Injil. Sebelum (Al-Quran diturunkan), menjadi petunjuk bagi umat manusia. dan ia juga yang menurunkan Al-Furqaan (yang membezakan antara yang benar Dengan yang salah). Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah itu, bagi mereka azab seksa yang amat berat. dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi berhak membala Dengan azab seksa (kepada golongan yang bersalah).

(Surah ali-Imran, 3:3 – 4)

- (4) Al-Quran tidak jemu dibaca walaupun berulang-ulang dan sebahagian besar ayatnya ditutup dengan menyatakan kebesaran dan keagungan Allah S. W. T. Firman Allah S.W.T. :

Maksud: Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersem bunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian;

(Surah Faathir, 35:29)

- (5) Al-Quran sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad dan bertujuan untuk membuktikan Baginda adalah Rasulullah dan wahyu yang diterimanya itu daripada Allah S. W. T. Firman Allah S.W.T. :

Maksud: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.

(Surah al-Baqarah, 2:23)

- (6) Al-Quran menjadi sumber rujukan dan penyelesaian terbaik kepada semua masalah yang dihadapi dan menjaga serta memelihara kesucian dan kebenaran syariat Islam. Firman Allah S.W.T. :

Maksud: Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? kalau-lah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapat perselisihan yang banyak di dalamnya.

(Surah *al-Nisaa'*, 4:82)

Keistimewaan al-Quran sangat banyak, namun lima keistimewaan yang disebutkan sendiri oleh Allah tentang al-Quran ini sudah memadai untuk menggambarkan keistimeaannya.

KEUNIKAN BAHASA ARAB

Bahasa Arab adalah bahasa yang masyhur dengan keunikannya, ungkapan ayat yang mudah difahami dan mempunyai kaedah yang tepat dalam sebarang permasalahan bahasa. Bahsa Arab mempunyai keistimewaan yang tidak dapat ditandingi dengan bahasa-bahasa yang lain. Antara keistimewaannya ialah bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan kosa kata, mempunyai kaedah analisis struktur ayat yang sempurna, mempunyai sistem morfologi yang unik, merupakan berdaya tahan dan ringkas, dan mempunyai ungkapan yang halus dan teliti (Noraine Abu, 2003).

Bahasa Arab Adalah Bahasa yang Kaya Dengan Kosa Kata

Bahasa Arab mengandungi semua bidang dan ini dapat dilihat berdasarkan perkataan yang terdapat di dalam kamus Arab. Dalam Bahasa Arab pembentukan satu perkataan sahaja boleh menunjukkan kepada beberapa makna. Selain itu, terapat perkataan yang digunakan lebih daripada satu atau dua perkataan untuk menggambarkan kepada satu makna atau makna yang hamper sama.

Bahasa Arab Mempunyai Kaedah Analisis Struktur Ayat yang Sempurna

Ini dapat dilihat dalam bentuk perubahan baris-baris akhir perkataan hasil daripada perubahan struktur frasa atau fungsi perkataan itu sendiri. Perubahan ini memberikan kesan kepada perubahan maksud perkataan dalam sesuatu susunan ayat. Analisis bahasa dan perubahan struktur frasa ini tidak terdapat dalam mana-mana bahasa di dunia.

Bahasa Arab Mempunyai Sistem Morfologi yang Unik

Bentuk-bentuk perkataan Arab sama ada dalam kata nama atau kata kerja akan berubah berdasarkan kepada satu sistem yang lengkap mengikut keadaan struktur frasa. Perubahan bentuk ini akan membawa kepada perubahan dari segi makna perkataan tersebut.

Bahasa Arab adalah Bahasa Berdaya Tahan dan Ringkas

Bahasa Arab menggunakan bahasa yang mudah, ringkas dan tepat dalam menunjukkan sesuatu maksud. Ini yang menyebabkan bahasa ini kekal bertahan sehingga sekarang. Ini kerana dengan cara dan teknik tertentu seperti membuang beberapa perkataan tertentu sudah dapat mengubah maksud yang ingin disampaikan.

Bahasa Arab Mempunyai Ungkapan yang Halus dan Teliti

Bahasa Arab mempunyai perkataan yang dapat memberikan makna yang tepat. Ketepatan ini bermaksud ia member maksud yang amat hampir sama dengan keadaan semasa yang sedang berlaku. Ini sukar berlaku dengan bahasa-bahasa yang lain.

KONSEP PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN AL-QURAN DALAM KAEDAH MENGAJAR BAHASA ARAB

Pendekatan yang mudah untuk belajar bahasa arab dengan menggabungkan beberapa elemen penting dan beberapa konsep unik yang sering diabadikan. Antaranya ialah konsep memanfaatkan

kelebihan memiliki kata pinjam, konsep zikrullah, konsep panggilan mesra, konsep intonasi, konsep pengukuhan dengan ayat al-Quran, al-hadis dan kata-kata hikmat (Rafa'il nakhlah al-Yasu'iy. 1986).

Konsep Memanfaatkan Kelebihan Memiliki Kata Pinjam

Penggunaan bahasa melayu di dalam pertuturan yang kita gunakan sehari-hari menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang 1700 perkataan yang digunakan adalah berasal daripada perkataan arab contoh” kitab “membawa makna buku. Oleh itu, kita mampu menggunakan semula kata pinjam dari bahasa arab bagi tujuan memudahkan kita mempelajari bahasa arab.

Konsep Zikrullah

Konsep ini memerlukan kita untuk megaitkan apa sahaja ayat yang dibina dengan satu zikrullah megikut kesesuaian. Kebiasaanya konsep ini diaplikasikan dalam komunikasi antara kedua pelah pihak. Contohnya, di dalam perbualan bahasa arab, “kaifa haluk?” Maksud: “apa khabar saudara?” Dan jawapannya ialah “Ana bikhair wal hamdulillah” Maksud: “saya baik dan Alhamdulillah.”

Konsep Panggilan Mesra

Dalam konteks berkomunikasi yang berkesan kita perlulah menyebut nama, gelaran atau pangkat seseorang. Jika dikaji bahawa di dalam al-Quran terdapat 361 kali perkataan “ya....” (seruan yang membawa makna wahai....) yang diucapkan di dalam al-Quran. Oleh itu kita boleh menggunakan kalimah “ya. . ”(wahai. .) yang diletakkan sama ada di awal ayat atau di akhir ayat dalam satu-satu perbualan.

Konsep Intonasi

Bagi memantapkan lagi pembelajaran bahasa arab secara tradisional, para pelajar perlu membaca beberapa ayat lengkap dalam satu intonasi sahaja megikut keadaan sekeliling. Intonasi yang dihasilkan adalah berbeza megikut keadaan sesaorang itu apabila berbicara walaupun ayat yang diungkapkan itu adalah sama. contohnya pada perkataan “ La “ yang membawa makna “ tidak “ atau menafikan sesuatu perkara. Perkataan “ La “ boleh di intonasikan dalam pelbagai cara diantaranya menafikan secara lembut atau nada keras atau secara marah dan sebagainya.

Konsep Pengukuhan dengan Ayat al-Quran, al-Hadis dan Kata-Kata Hikmat

Dalam pembinaan atau penghujahaan sesuatu ayat dalam bahasa arab, biasanya mereka akan menggunakan perkataan di dalam al-Quran, hadis atau kata-kata hikmat. Bahasa al-Quran sememangnya tidak boleh ditandingi oleh mana-mana pakar bahasa, begitu juga dengan hadis dan kata-kata hikmat dalam bahasa arab. Ianya boleh dijadikan panduan penting dalam mempelajari bahasa arab.

METODE PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Al-Quran merupakan penyumbang utama dalam pembelajaran bahasa Arab dari segi mengemukakan istilah-istilah ilmu tertentu, gaya bahasa, dan kerana kelebihan komunikasi bahasa Arab (Azhar Muhammad, 2006; Ahmad Mohd Salleh. 1997).

Mengemukakan Istilah Ilmu Tertentu

Menghuraikan istilah tertentu yang berkaitan dengan ilmu-ilmu khusus seperti nahu, saraf, balaghah dan sebagainya yang biasa digunakan dalam kaedah mengajar bahasa arab. Dengan ini, mereka akan dapat menggunakan istilah khusus untuk memahami bentuk-bentuk kalimah arab secara lebih terperinci.

Gaya Bahasa

Gaya bahasa yang digunakan dalam kaedah mengajar bahasa arab amat bersesuaian dengan peredaran zaman. Kaedah ini memudahkan mereka untuk memahami sesuatu ayat yang disampaikan, terutama bagi kalimah-kalimah pendek yang mudah untuk difahami.

Justeru itu, corak pentafsiran al-Quran mestilah bersesuaian dengan keadaan masyarakat tetapi makna ayat dalam al-Quran masih tetap dipelihara. Untuk menyampaikan sesuatu kalimah itu ia perlu berhadapan dengan peringkat umur dan status pendidikan yang berbeza. Walau bagaimanapun dalam prinsip komunikasi ada menyatakan bahawa penerimaan kalimah arab tersebut berbeza mengikut kadar kemampuan mereka.

Kelebihan Komunikasi Bahasa Arab

Terdapat banyak perbezaan komunikasi bahasa arab yang digunakan dengan bahasa arab yang dipelajari. Bahasa arab yang menjadi bahasa ibunda bagi sesebuah negara lebih kepada bahasa arab campuran atau bahasa pasar berbeza dengan bahasa arab yang menjadi subjek pembelajaran dan pengajaran. Dalam dunia pendidikan, bahasa arab yang digunakan adalah kalimah-kalimah atau istilah yang mudah untuk difahami dan tidak memerlukan pemikiran yang berat untuk menterjemahkan sesuatu ayat dalam komunikasi dua hala.

KEMAHIRAN DALAM MENGAJAR BAHASA ARAB

Bagi menguasai bahasa arab terdapat empat kemahiran utama yang perlu dikuasai iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis (Azhar Muhammad, 2006).

Kemahiran Mendengar

Untuk menjadi seorang pelajar yang mampu menguasai bahasa arab dengan baik, kemahiran mendengar amat penting dalam teknik menghafal. Contohnya ketika penurunan wahyu pertama Malaikat Jibril memperdengarkan Surah al-Alaq' kepada Nabi Muhammad S. A. W supaya nabi dapat mendengar dengan teliti dan dibaca semula.

Kemahiran Bertutur

Dalam konteks mempelajari bahasa arab, kemahiran bertutur diperlukan dalam melatih dan memahirkan pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan. Disamping itu juga, kemahiran ini dapat meningkatkan daya saing serta bahasa arab dapat diperluaskan dengan cara berinteraksi antara satu dengan yang lain.

Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merupakan teknik latih tubi bagi memantapkan prosa kata, tatabahasa dan membantu dalam membina ayat dalam bahasa arab.

Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis adalah kemahiran yang terakhir setelah seseorang itu mampu bertutur dan membaca dalam bahasa arab. Dalam sejarah Islam, al-Quran telah ditulis dan dibukukan setelah ramai penghafal al-Quran tewas dan gugur di medan perang demi mempertahankan Islam.

Tindakan yang diambil bertujuan supaya al-Quran itu dapat diwarisi oleh semua generasi akan datang dan dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Antara empat kemahiran yang dipelajari, ternyata kemahiran bertutur begitu sukar jika dibandingkan dengan kemahiran yang lain. Namun begitu dalam menguasai bahasa arab, penekanan dalam kemahiran mendengar dan bertutur amat dititik beratkan dalam interaksi antara manusia dan dalam pengajaran serta pembelajaran.

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Penggunaan al-Quran dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa arab memerlukan tahap ilmu dan penguasaan bahasa arab yang tinggi. Oleh itu, terdapat beberapa kaedah atau pendekatan yang digunakan dalam mempelajari dan menguasai bahasa arab supaya apa juga yang ingin disampaikan mudah difahami (Azhar Muhammad, 2006.).

Kaedah Tematik (*Tariqah al-Maudu'iyyah*)

Kaedah tematik merupakan satu proses pengajaran berasaskan kepada satu idea besar sebagai tema atau tajuk besar sebelum dikembangkan kepada tajuk-tajuk yang lebih kecil contohnya, anggota badan. Bagi mengembangkan tajuk tersebut di mana anggota badan terdiri daripada bahagian kepala, badan dan kaki merupakan pecahan tajuk kecil yang akan dikembangkan supaya memudahkan perkembangan dari segi nahu (tatabahasa), maqlal (penulisan), atau Muthola'ah di buat dengan baik.

Kaedah Mengeja (*Tariqah al-Imla'iyyah*)

Kaedah ejaan berlaku setelah adanya penggunaan kertas dan tulisan dihasilkan. Kaedah ini adalah kaedah yang kedua selepas kaedah hafalan yang diamalkan dalam perkembangan ilmu sejarah umat Islam. Para ulama' akan menyampaikan pandangan dan ijihad mereka serta para pelajar akan menyalin semula apa yang disampaikan kepada mereka. Melalui kaedah ini, para pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih baik.

Kaedah Soal Jawab (*Tariqah al-Munazarah*)

Kaedah ini amat sesuai dalam konteks pembelajaran bahasa. Ini kerana proses pembelajaran sama ada secara langsung atau pun tidak langsung, melibatkan semua pihak. Ianya memainkan peranan penting dalam memperkembangkan kosa kata contohnya, dalam ucapan aluan, pertanyaan – pertanyaan yang ringkas dan soalan- soalan yang pendek berserta jawapan yang mudah untuk difahami.

Kaedah Latih Tubi (*Tariqah al-Mulazamah*)

Kaedah ini adalah bersesuaian dengan bentuk pembelajaran bahasa Arab. Kemahiran berbahasa memerlukan proses pengulangan apa sahaja ilmu yang telah dipelajari sama ada disebut atau ditulis. Pendekatan kaedah yang digunakan ini, boleh dilihat bagaimana malaikat Jibril mengulang-ulang kalimah “Iqra’” sehingga baginda Nabi Muhammad S.A.W. dapat menyebutnya dengan baik. Oleh itu kaedah latih tubi mampu meningkatkan daya ingatan dan kemahiran komunikasi dan membaca.

Kaedah pembelajaran al-Quran secara tradisional lazimnya menggunakan kaedah latih tubi. Ianya amat berkesan dalam jangka masa panjang di samping mengukuhkan lagi penguasaan ilmu tajwid. Dalam bidang bahasa pula kaedah ini mampu memberi kesan yang hebat dalam menguasai dari aspek nahu secara terperinci mengikut tahap pembelajaran bahasa arab.

Kaedah Pembandingan (*al-Qiyasiyyah*)

Kaedah perbandingan pula memperkenalkan prinsip asas dan umum sebelum diuraikan dengan contoh yang sesuai secara terperinci. Biasanya kaedah seperti ini diterapkan dalam pengajaran tatabahasa (Nahu).

Kaedah Induktif

Kaedah induktif adalah kaedah berlawanan. Kaedah seperti ini biasanya mendedahkan pelajar kepada pelbagai situasi serta menghuraikannya dengan disertakan contoh-contoh yang sesuai sebelum membuat satu-satu kesimpulan atau merujuk sesuatu hukum.

Kaedah ini lebih mencabar kerana ianya memerlukan pandangan dan pendapat serta membuat rumusan yang diolah sendiri oleh pelajar. Kaedah ini banyak membantu pelajar untuk berfikir, menganalisa dan berlatih membina kesimpulan dengan ayat-ayat mudah.

KESIMPULAN

Penggunaan al-Quran dalam kaedah bahasa Arab boleh diibaratkan seperti isi dengan kuku kerana bahasa arab saling bergantung dengan ilmu al-Quran. Oleh itu, untuk menguatkan lagi penguasaan dalam bahasa Arab dikalangan para pelajar adalah dengan membawa mereka kembali kepada kaedah, pendekatan dan teknik yang diajarkan dan disampaikan oleh para ulama' terdahulu dengan kaedah menggunakan al-Quran di dalam pengajaran nahu bahasa Arab. Namun begitu, langkah pemilihan kaedah, strategi, teknik dan penekanan yang digunakan turut memberi kesan dalam menentukan sejauh mana objektif pembelajaran dan pengajaran itu dapat dicapai. Oleh yang demikian, pembelajaran al-Quran dan penbelajaran bahasa Arab perlu seiringan bagi megekalkan keunggulan dan kedudukannya sebagai bahasa al-Quran, bahasa wahyu dan bahasa syurga.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdullah bin Muhammad Basmeih. 1996. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Mohd Salleh. 1997. *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy. 2001. *Tafsir al-Maraghiy*- Muhammad Thalib. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Azhar Muhammad. 2006. *Fi Taraq Tadris Lughahul Arabiyah*. Skudai, Johor: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM
- Mok Soon Sang. 2003. *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI Psikologi Pendidikan & Pedagogi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood. 1996. *Tatabahasa Dewan. Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noraine Abu. 2003. *al-Quran Mukjizat yang Terbesar Nabi Muhammad S.A.W*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Rafa'il nakhlh al-Yasu'iyy. 1986. *Ghara'ib al-Lughah al- Arabiyah*. Beirut: Dar al- Masyriq
- Rosmawati Ali@Mat Zin. 1997. *Ulum al-Quran*. Kuala Lumpur. Ilham Abati Enterprise.